

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas mata pelajaran Bahasa Melayu 2 mengandungi 4 soalan. Calon wajib menjawab kesemua soalan dalam masa 2 jam 30 minit. Soalan 1 menguji kefahaman calon tentang rumusan. Soalan 2 menguji pemahaman calon yang dibahagikan kepada 4 pecahan soalan iaitu pemahaman petikan rumusan, petikan cerpen/drama, petikan prosa klasik dan petikan puisi. Soalan 3 menguji pengetahuan dan kemahiran bahasa. Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5. Jawapan calon boleh ditulis dalam tulisan rumi dan jawi.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon yang seramai 428,072 orang, pada keseluruhannya pada tahap baik. Calon-calun dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Jawapan-jawapan calon memenuhi kehendak atau tugas soalan. Penguasaan sistem ejaan pada amnya baik. Penguasaan aspek tatabahasa dan pembinaan ayat juga adalah pada tahap memuaskan. Calon-calun juga dapat menguasai aspek-aspek komponen sastera dengan baik. Penyampaian jawapan calon menunjukkan kematangan, isi yang jelas mengikut kehendak soalan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Jawapan jitu dan menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan jawapan dengan terperinci, jelas dan bernas. Jawapan mudah difahami kerana penyampaiannya lancar dan gramatis serta sangat kurang kesalahan bahasa.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon hanya menjawab beberapa soalan. Jawapan pula tidak tepat atau samar-samar serta bercampur-aduk. Terdapat jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Penyampaian kurang lancar dan kurang tersusun.

PRESTASI TERPERINCI

SOALAN 1: RUMUSAN

KEKUATAN ISI PENDAHULUAN

Calon cemerlang berjaya mengemukakan isi yang lengkap dan tepat selari dengan tugas soal. Contohnya:

Petikan ini membincangkan tentang kelebihan-kelebihan hidup berjiran.

Calon memahami keseluruhan idea dalam petikan dan merumuskan dalam bentuk pendahuluan. Pendahuluan dapat merangkumi isi utama petikan.

KELEMAHAN ISI PENDAHULUAN

Calon tidak mengemukakan tema atau isu utama yang terdapat dalam petikan. Contohnya:

Petikan ini membincangkan permasalahan hidup berjiran

Terdapat juga calon yang masih terikat dengan format lama yang mengandungi dua unsur dan menyalin semula arahan soal. Contohnya:

Petikan membincangkan faedah-faedah hidup berjiran dan kesannya kepada negara.

KEKUATAN ISI TERSURAT

Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi tersurat yang baik dan tepat. Contohnya:

Antara faedahnya ialah menjaga kehidupan setempat yang aman dan harmoni. Tambahan lagi, jiran merupakan orang yang paling mudah memberikan pertolongan. Seterusnya, mereka yang berbeza latar belakang memiliki pengetahuan dan kemahiran yang boleh kita kongsi bersama-sama. Jiran juga mampu menjamin keselamatan setempat daripada sebarang ancaman. Selain itu, segala

perkara yang mencemarakan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dicegah. Hal ini juga dapat menjana program yang menyumbang kebajikan kepada masyarakat setempat. Di samping itu, perpaduan juga dapat diwujudkan melalui hubungan baik sesama jiran.

KELEMAHAN ISI TERSURAT

Terdapat calon yang mengemukakan isi tersurat yang tidak mencukupi. Contohnya:

Faedah - faedah hidup berjiran ialah mudah ~~masa~~ mendapat pertolongan sekiranya ditimpa musibah atau pada waktu kesempasaan. Selain itu mereka memiliki pengetahuan dan kemahiran yang boleh dikongsi bersama-sama, selain mampu menjamin keselamatan setempat daripada sebarang ancaman.

KEKUATAN ISI TERSIRAT

Calon mudah mengemukakan isi tersirat dengan tepat. Contohnya:

Antara caranya ialah dengan mengadakan aktiviti gotong - royong. Selain itu, pertandingan yang berbestek kejiranan juga boleh diadakan. ^{Amalan} Program aiarah - menziarahi juga boleh dilaksanakan untuk menggapai hasrat ini.

KELEMAHAN ISI TERSIRAT

Terdapat calon yang gagal mengemukakan isi tersirat yang mencukupi. Contohnya:

Antara cara memupuk semangat kejiranan ialah sentiasa membantu antara satu sama lain sekiranya ada masalah. Selain itu, ziarah menziarahi antara jiran tetangga yang sihat mahupun sakit juga merupakan cara memupuk semangat kejiranan.

Di samping itu masih terdapat jawapan yang umum, tanpa berfokus kepada cara memupuk semangat kejiranan.

KEKUATAN KESIMPULAN

Keseluruhannya calon dapat memahami kehendak soalan, dapat menyatakannya dengan baik dan memberikan cadangan atau saranan serta kesan cadangan tersebut. Contohnya:

Kesimpulannya, kita hendaklah pandai hidup berjiran
supaya perhubungan dapat diertatkan lagi.

KELEMAHAN KESIMPULAN

Masih terdapat calon yang mengemukakan satu unsur dalam membuat kesimpulan yang kebanyakannya berupa isi cadangan. Contohnya:

Kesimpulannya, semua penduduk haruslah memberikan
kerjasama untuk memupuk semangat kejiranan.

Terdapat calon memberikan isi kesimpulan, tetapi sebenarnya diambil dari isi tersurat. Ada calon yang menulis isi kesimpulan yang tepat, tetapi telah melebihi 120 patah perkataan. Terdapat juga calon yang menulis jawapan kurang 100 patah perkataan dan ini menjejaskan markah isi.

SOALAN 2 : PEMAHAMAN

SOALAN 2(a) : Petikan Umum

Kekuatan

Calon menjawab dengan menggunakan bahasa yang cukup gramatis baik dari segi imbuhan, pemilihan kosa kata, binaan frasa, struktur ayat mahupun penggunaan tanda baca dan sistem ejaan baru. Isi jawapan lengkap, jelas dan tepat kerana kemahiran calon menggunakan bahasa yang betul. Calon juga benar-benar faham maksud idea dan isi dalam petikan serta dapat memproses maklumat dan mengeluarkan isi daripada petikan serta dapat memproses maklumat. Calon berkebolehan mengolah dan menyusun jawapan dengan cara yang sistematik dan lancar. Calon juga dapat menggunakan idea dalam petikan untuk menjana, menganalisis, menghubungkankai dengan nilai dan kehidupan sendiri seterusnya dapat menjawab soalan kemahiran berfikir dengan bernas dan matang.

Contohnya

iii) Pada pendapat saya, keadaan ini berlaku kerana sikap individu itu sendiri. Sikap yang mementingkan diri tanpa menghiraukan orang lain. Tambahan pula zaman sekarang Malaysia bertambah maju dan penduduknya sibuk mengejar kekayaan. Tidak kira lelaki, golongan wanita juga sudah bekerja malah lebih hebat daripada golongan lelaki. Manusia pada zaman moden ini juga lebih suka melakukan aktiviti di dalam rumah kerana kesibukan menghalang mereka bersuka-s ria di luar rumah. Sikap bertek bertek -ansur dan kelang-melang juga kurang ditunjukkan.

Kelemahan

Calon tidak faham makna rangkai kata dalam soalan, khususnya makna yang berkaitan dengan konteks petikan. Calon masih lemah untuk mencari dan memproses maklumat di dalam petikan. Calon memberikan jawapan yang salah. Calon gagal menjana idea untuk memberi pendapat mengapa semangat kejiranan semakin luntur. Contoh jawapan calon seperti yang berikut:

- (i) Maksud rangkai kata menjamin keselamatan setempat ialah memastikan kebajikan penduduk di kawasan itu.
- (ii) Kepentingan perpaduan dalam hidup berjiran ialah melahirkan semangat toleransi, saling mempercayai dan mengamalkan perkongsian pintar sesama jiran. Perpaduan ini juga dapat mengelakkan permusuhan yang akhirnya membawa kepada pertalahan dan perpecahan.

iii) Semangat Kejiranan semakin hari semakin luntur berlaku akibat hilang rasa hormat sesama manusia. Manusia juga mementingkan diri sendiri dan tidak memikirkan masalah orang lain. Selain itu, semangat Kejiranan luntur apabila wujud rasa tidak puas hati dan dengki kepada jiran sendiri. Semangat Kejiranan juga luntur apabila tiada persefahaman di antara setiap manusia dan hal ini boleh mendorong mereka melakukan sesuatu yang negatif.

SOALAN 2(b) : Petikan Drama

Kekuatan

Calon menggunakan bahasa yang betul dari segi tatabahasa dan makna. Isi yang dikemukakan mencukupi. Contohnya:

i) Puteri Hang Li Po diberi anugerah sebagai seorang pahlawan kerana ketabahan Puteri Hang Li Po memulakan hidup di tempat hegara yang sungguh asing dalam segala tindak tanduknya dan berjaya menyesuaikan diri serta dapat menguasai bahasa hegari tersebut tanpa banyak bicara.

ii) Pada pendapat saya, seseorang itu dapat menyesuaikan diri ketika berada ~~di tempat orang~~ di tempat orang dengan mempelajari cara hidup tempat itu tanpa merungut. Seseorang itu juga harus menjaga tingkah laku dan tidak melakukan sebarang kesalahan. Beliau juga harus rajin dan sudi belang-melang jika ada sesuatu kesukahan perlulah memberitahu kepada orang yang dikenali.

ii) Dua pengajaran daripada petikan ialah kita perlu pandai membawa diri ketika berada di tempat orang dan perlulah tabah menghadapi dugaan.

Dua pengajaran daripada keseluruhan dat drama ialah sebagai seorang isteri kita perlulah taat kepada suami dan janganlah mendustakan suami.

Kita juga harus taat kepada ^{pemerintah} ~~inta~~ seperti yang ditunjukkan oleh Hang Jebat yang taat kepada Sultan Mansor. ?

Kelemahan

Calon tidak menjawab dengan ayat yang lengkap dan bahasa yang gramatis. Calon tidak dapat mengolah isi dan mengembangkannya sesuai dengan kehendak soalan. Calon tidak dapat membezakan antara pengajaran yang diperoleh daripada petikan dengan pengajaran daripada drama. Calon juga memberikan pengajaran umum dengan tidak merujuk pada teks. Contohnya:

Puteri Hang Li Po diberi anugerah sebagai seorang pahlawan kerana sultan mengagumi ketabahan Puteri Hang Li Po memulakan hidup di sebuah negara yang sungguh asing dalam segala tingkahlakunya dan berjaya menguasai bahasa tempatan.

Pada pendapat saya seseorang itu dapat menyesuaikan diri ketika berada di tempat orang dengan bergaul dengan orang tempatan, bertukar maklumat dengan mereka dan menghormati adat serta agama masyarakat tempatan di situ.

Pengajaran pertama daripada petikan ialah menghargai orang lain, contohnya sultan ingin menganugerahi Puteri Hang Li Po kerana

sultan. Tun Perpatih putih sentiasa taat dan patuh kepada sultan

Pengajaran lain ialah ~~ketabahan~~ sentiasa berusaha untuk menyempurnakan diri di tempat yang baru, dan cuba belajar sesuatu yang baru untuk menambah pengetahuan.

SOALAN 2(c) : Petikan Prosa Klasik

Kekuatan

Calon dapat memahami kehendak soalan seterusnya dapat mengungkapkan isi yang lengkap, baik bagi jawapan yang merujuk kepada kefahaman teks, mahupun jawapan yang memerlukan kemahiran berfikir. Maksud ayat-ayat dalam bahasa Melayu Klasik dapat difahami oleh calon, seterusnya dapat mengemukakan isi yang cukup. Contoh jawapan

c) i => Maksud "barang daya upaya" adalah cuba sebolehnya.

ii => Serigala mencadangkan kepada cempelai apabila budak itu datang, cempelai tidak perlu lari dan apabila budak itu mendekati cempelai, maka cempelai akan berganjak sedikit demi sedikit sehingga sampai ke tempat yang ~~baik~~ bayan tinggal. ~~Apa~~ dan apabila budak itu melihat anak bayan, maka budak itu akan mengambil anak bayan itu dengan mudah.

iii => Tindakan cempelai itu adalah tidak wajar kerana ibu dan bapa ~~anak~~ kepada anak bayan itu pasti akan ~~kesedihan~~ kesedihan, tidak semestinya semua orang perlu menerima nasib malang seperti cempelai dan sifat hasad dengki cempelai tidak akan menguntungkannya kerana ~~perkara yang b~~ tindakan yang buruk akan dibalas dengan perkara yang buruk.

Kelemahan

Calon tidak dapat menyelami maksud rangkai kata bahasa klasik, menyebabkan mereka memberi jawapan yang tidak tepat. Calon tidak dapat mengesan cadangan serigala yang disebut di dalam teks, supaya budak itu dapat menangkap anak bayan. Keadaan ini menyebabkan jawapan yang diberi langsung tidak menjawab soalan. Jawapan juga menggunakan bahasa yang kurang lengkap dan isi yang tidak cukup sebagaimana yang disebut dalam teks. Calon tidak mampu untuk berfikir dengan cara yang kritis dan kreatif bagi menjawab soalan yang memerlukan kemahiran berfikir seperti ini. Bahasa yang digunakan juga tidak betul. Keadaan ini menyebabkan jawapan yang diberikan tidak menunjukkan kematangan. Contohnya:

- i) Maksud barang daya upaya ialah jika selagi boleh.
- ii) Cadangan serigala kepada cerpelai untuk menangkap anak bayan ialah serigala menyuruh agar apabila budak itu datang menghampiri bayan, bayan tidak perlu lari. Hanya yang perlu dilakukan ialah bergerak perlahan-lahan sehingga sampai kepada lubang tempat bayan itu tinggal.
- iii) Fida pada pendapat saya, tidak patut kerana sifat membalas dendam tidak sepatutnya ada dalam setiap individu. Tambahan pula, anak cerpelai ditangkap bukan atas kesalahan anak bayan. Ini juga mempamerkan sikap hasad dengki dan tidak akan menguntungkan mana-mana pihak.

SOALAN 2(d) : Petikan Puisi

Kekuatan

Calon dapat menjawab menggunakan bahasa yang gramatis dengan menggunakan kosa kata, istilah yang betul. Calon dapat memahami puisi ini dengan baik dan menghayati kandungannya secara mendalam. Calon dapat menjawab kefahaman soalan termasuk kemahiran berfikir dengan baik. Contohnya:

i => Maksud 'kau yang mengaba besar juga akan tenggelam' adalah orang yang berbuasa dan zalim pasti akan jatuh.

ii => Kepentingan mempelajari sejarah adalah dapat mengambil pengajaran daripada peristiwa yang lalu, dapat meng-mencegah kejayaan sesuatu bangsa atau tamadun dan dapat memperbaiki segala kesilapan pada masa lalu supaya tidak diulang pada masa akan datang.

iii => Persoalan dalam sejak ini adalah semangat menentang kezaliman iaitu kezaliman pemerintahan diktator yang memecah-belahkan masyarakat dan persoalan kedua adalah setiap detik amat bermakna iaitu setiap masa dan ketika sejarah itu berlaku amat bermakna kerana ~~dan~~ dengan berlakunya perkara ~~pada~~ pada masa dan ketika itu maka terciptalah sejarah.

Kelemahan

Calon tidak dapat memberi maksud rangkai kata dengan tepat. Calon tidak faham tentang konsep faedah mempelajari sejarah. Calon tidak tahu dan tidak faham tentang apakah itu persoalan sehingga tidak dapat memenuhi kehendak soalan. Contohnya:

maksud barang daya upaya berdasarkan perintah diatas
tangg dengan kemampuan.

ii) Kepentingan perpaduan dalam hidup berjiran adalah segala perkara yang mencemarkan ketaharuman dan kesejahteraan masyarakat dapat dicegah. Selain itu, gejala sosial dapat dibendung dengan keperihatinan jiran. Tambahan pula, jiran yang bekerjasama dan mengambil berat dapat meringankan program yang menyumbang kebajikan kepada masyarakat setempat.

iii) Dua persoalan dalam sajak ^{di atas} tersebut ialah keberanian menentang penjajah agar hidup lebih aman dan damai. Penipuhan yang dilakukan oleh penjajah. Namun akhirnya penjajah dikalahkan juga. Semangat cinta tanah negara ~~keti~~ membawa ~~ke~~ kepada keberanian menentang musuh.

SOALAN 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Soalan 3(a) Kekuatan

Calon dapat membina ayat dengan jelas, lengkap dan menunjukkan kematangan. Calon dapat memahami maksud perkataan yang disoal dengan tepat dan betul. Ayat yang dibina menepati rumus subjek dan predikat. Ejaan dan penggunaan kata majmuk betul. Penyampaian jawapan lancar dan menunjukkan keragaman ayat. Tidak terdapat sebarang kesalahan tatabahasa dan ejaan. Penggunaan kosa kata sesuai untuk menjelaskan maksud perkataan. Perkataan yang diuji dapat digunakan dalam ayat dengan betul. Contohnya:

- i. Ibu bapa hendaklah menyemai nilai - nilai murni dalam diri anak - anak supaya mereka mempunyai tatasusila yang luhur.
- ii. Tataraca yang betul ketika makan perlu dipelajari dan diamalkan terutama ketika menghadiri majlis - majlis formal.
- iii. Antara Beragama Islam adalah antara prasyarat untuk menyertai persatuan tersebut.
- iv. 'Dinosaur' adalah haiwan prasejarah yang wujud berjuta - juta tahun dahulu.
- v. Sari kata bagi filem ~~Ita~~ itu boleh didapati dalam dwibahasa.

vi. 'Hari Kantin' adalah acara dwitahunan yang dianjurkan ~~di~~ ~~sekolah~~ itu oleh pihak sekolah bermula pada tahun 1992.

Kelemahan

Calon tidak dapat membina ayat yang betul dan tepat maksudnya, kerana tidak memahami makna perkataan-perkataan yang diuji. Secara keseluruhan calon juga melakukan kesalahan tatabahasa, ejaan dan tanda baca. Contohnya:

- i - Pada Kem Bina Negara yang dijalankan tempoh hari, mereka mempelajari tatasusila ^{negara} untuk menghormati perlembagaan negara.
- ii - Hang Jebat mengajar tatacara penganyugerakan kepada Hang Li Po semalaman.
- iii - Kelulusan SPM merupakan prasyarat untuk menghadiri Kempen Pekerjaan Ideal itu.
- iv - Pada zaman prasejarah lagi, manusia belum mengetahui sistem tulisan.
- v - Ibu menghadiahkan adik kamus dwibahasa Bahasa Inggeris menjelang Hari Kelahirannya yang ke-20.
- vi - Majlis Raya dwitahunan yang diadakan oleh PIBG pada awal tahun ini adalah bensempena juga majlis makan tahun lepas.

Soalan (3b)

Kekuatan

Calon dapat menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif. Tiada kesalahan bahasa dan ejaan. Tiada perkataan yang ditinggal. Jawapan calon menepati tugasan soalan. Contohnya:

- i) Kita akan memikul tugas mengisi kemerdekaan negara bersama-sama.
- ii) Semenjak kerajaan melancarkan program kitar semula, tahap kebersihan di kawasan kediaman semakin meningkat
- iii) Mereka telah membina sebuah gelanggang badminton secara gotong-royong pada minggu lepas.

Kelemahan

Calon tidak memahami konsep ayat aktif dan ayat pasif. Calon mengubah maksud ayat. Mereka akan membina sebuah gelanggang badminton secara gotong-royong pada minggu lepas. Contohnya:

- i - Akan kita pikul tugas mengisi kemerdekaan negara bersama-sama.
- ii - Tahap kebersihan di ~~di~~ kawasan kediaman semakin meningkat semenjak program kitar semula dilancarkan oleh kerajaan.
- iii - Mereka ^{telah} membina sebuah gelanggang badminton secara gotong-royong pada minggu lepas. ?

Soalan 3(c)

Kekuatan

Calon dapat mengetahui hampir dengan tepat kesalahan ayat yang terdapat dalam ayat. Calon dapat hampir memahami kehendak dan tugas soal. Calon hampir dapat mencari jawapan yang tepat dan mengesan kesalahan ejaan dan imbuhan. Calon menyalin semula ayat yang disoal tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya. Contohnya:

- i) Malaysia mampu memajukan bidang ko-pelancongan kerana kekayaan alam sumber dalam semulajadinya.
- ii) Guru pembimbing telah memberi keterangan yang jelas tentang profesion sebagai pakar bedah.
- iii) Persatuan belia yang baru ditubuhkan itu mengetengahkan motto yang berteraskan perpaduan se-Malaysia.

Kelemahan

Majoriti calon hampir dapat mengesan kesalahan ejaan dan imbuhan bagi perkataan yang diuji tetapi tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Calon tidak dapat mengesan kesalahan perkataan yang diuji. Contohnya:

- (i) Malaysia mampu memajukan bidang eko-pelancongan kerana kekayaan sumber dalam semulajadinya.
- (ii) Guru bimbingan itu telah member keterangan yang jelas tentang profeshun sebagai pakar bedah.
- (iii) Persatuan Belia yang baru ditubuhkan itu mengenengahkan motto yang berteraskan perpaduan belia Malaysia.

Soalan 3(d)

Kekuatan

Calon dapat menjawab soalan yang diuji dengan tepat. Kesalahan perkataan dapat dikesan oleh calon. Jawapan calon dari segi ejaan dan tatabahasa menepati kehendak soalan. Contohnya:

- i - Saya mengucapkan ~~berbanyak~~^{beribu} terima kasih atas kesudian tuan merasmikan Kempen Cintai Sungai Kita peringkat daerah ini.
- ii - "Wahai generasi muda, berbaktilah pada negara yang tercinta ini,"
seu pemimpin itu ketika berucap dalam perhimpunan beliau.
- iii - Kelawar yang ~~bergayutan~~^{bergantungan} pada ~~ti~~^{di} dinding Gua Niah menarik perhatian pelancong. para pelancong.

Kelemahan

Calon tidak dapat mengenal pasti kesalahan bahasa atau istilah. Jawapan calon mengubah maksud asal ayat. Contohnya:

- i - Saya mengucapkan ~~berbanyak~~^{ribuan} terima kasih atas kesudian tuan merasm~~kan~~. kempen Cintai Sungai Kita peringkat daerah ini.
- ii - "Wahai generasi muda, berbaktilah kepada negara yang tercinta ini,"
seu pemimpin itu ketika berucap didalam perhimpunan beliau.
- iii - Kelawar-kelawar yang bergantungan didinding Gua Niah menarik perhatian pelancong.

Soalan 3(e)

Kekuatan

Calon hampir dapat mengemukakan peribahasa yang tepat dan lengkap. Contohnya:

- (i) berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.
- (ii) harta bukan segalanya.
- (iii) ukur baju di badan sendiri.

Kelemahan

Calon tidak dapat mengemukakan peribahasa yang tepat. Contohnya:

- e)
 - i) Berat mata yang memandang, berat lagi bahu yang memikul.
 - ii) ^{bagai} menatang minyak yang penuh.
Seperti bunting yang terkuning di dalam sangkor.
 - iii) Alah membeti, menang memakai.
Bejimat - cermat amalan mulia

Soalan 4(a) : Novel

Kekuatan

Keseluruhan calon dapat mengemukakan peristiwa yang menarik dan memberikan pendapat dengan tepat daripada novel yang dikaji. Jumlah peristiwa paling menarik yang dikemukakan mencukupi dan lengkap, mengikut tugas soal. Penyampaian jawapan tersusun. Bahasa yang digunakan lancar dan struktur ayatnya sempurna. Jalan bahasa yang digunakan oleh calon kemas, gramatis dan menarik. Ejaan dan tanda baca betul. Idea diolah dalam bentuk perenggan yang lengkap dan sempurna. Peristiwa menarik yang ditulis tepat dan betul. Huraian peristiwa yang diberi diolah tepat dengan bahasa yang sangat baik. Contohnya:

Berdasarkan novel Julia karya Abu Hassan Ali Nadwi memaparkan pelbagai peristiwa yang menarik pembaca.

Antara peristiwa menarik yang dipaparkan ialah pertemuan pertama antara Julia dan Jun. Peristiwa ini berlaku di dalam pesawat yang membawa Julia dan penyempunya lain ke Australia pada permulaan cerita. Pertemuan ini terjadi ketika Julia terlanggar dengan Jun dalam perjalanan ke tanah air. Melalui peristiwa ini, pembaca tentu ingin mengetahui penghujung cerita adakah Julia akan hidup bersama dengan Jun. Pertemuan pertama Jun dan Julia telah melahirkan bibit-bibit cinta diantara mereka. Hal ini diperkukuhkan lagi apabila ^{Julia} sering terserempak dengan Jun ketika belajar di Australia.

Selain itu, peristiwa yang menarik yang dipaparkan ialah kedatangan Jun ke ~~pusara~~ kawasan perkuburan ketika Julia dan adik-adiknya menziarahi pusara kedua ibubapanya. Paling menarik lagi apabila Jun memakai pakaian kaju melayu lengkap bersamping membuatkan Julia tertawa kecil. Dalam pada itu Julia membayangkan Jun adalah seorang bidadari dan pasti Jun adalah miliknya. Dalam peristiwa ini memaparkan unsur suspense kepada pembaca kerana ingin mengetahui perkara yang ingin dilakukan oleh Jun di kawasan perkuburan tersebut. Lebih menarik lagi apabila Jun telah mengukir ^{telah lama} memeluk Islam dan ingin melamar Julia sebagai isterinya.

Kelemahan

Calon hanya memberikan peristiwa dan tidak dapat memberikan alasan yang tepat untuk menjelaskan pilihan peristiwa menarik dalam jawapan mereka. Calon menghuraikan alasan dengan memberikan cerita yang dilakukan oleh watak. Terdapat juga ulasan yang bersifat umum tanpa mengaitkan dengan watak. Contohnya:

Melalui novel *Punera Gunung Tahan* karya Idrak Haji Muhammad terdapat dua peristiwa menarik yang berlaku dalam novel tersebut. Peristiwa pertama ialah upacara adat perkahwinan orang Sakai yang disertai oleh Tuan Robert. Adat perkahwinan mereka unik dan pada masa yang sama ingin mengikat Tuan Robert yang berkehendak seorang gadis dan keturunan orang Sakai dan terpaksa mengahilingi busut untuk mendapatkan gadis tersebut. Akhirnya Tuan Robert mati kerana terjatuh dari pokok kelapa memanjat pokok untuk mendapatkan gadis tersebut.

Peristiwa kedua ialah ketika Tuan Williams berpedaya dengan helikopter Ratu Bangsa supaya mengambil barang kepunyaan Ratu Bangsa dan pada masa yang sama mendengar bunyi kapal terbang yang datang untuk mengebom puncak Gunung Tahan. Ratu Bangsa mengunci pintu dan Tuan Williams tertunggal di dalam bilik. Tuan Williams mati akibat terkena bom yang mengandungi ~~gas~~ gas beracun. Kebijakan Ratu Bangsa akhirnya dapat menyelamatkan puncak Gunung Tahan apabila kapal terbang terhempas dan tidak sempat untuk menawan Gunung Tahan.

TERMINAL TIGA

Calon dapat mengemukakan peristiwa-peristiwa yang menarik dengan tepat daripada novel yang dikaji. Ada calon memberi lebih daripada dua peristiwa. Contoh-contoh yang diberi lengkap seperti yang dikehendaki oleh peraturan permorkahan. Calon menguasai setiap peristiwa yang terdapat dalam novel yang dikaji dengan mengemukakan contoh yang relevan dengan peristiwa dan huraian serta menyatakan alasan kenapa peristiwa itu menarik. Contoh jawapan calon, peristiwa yang paling menarik dalam Terminal Tiga ialah Ruzaini hilang tiba-tiba. Peristiwa ini menarik kerana menimbulkan unsur suspen kepada pembaca. Kewujudan unsur suspen menyebabkan pembaca bersifat lebih ingin tahu

terhadap nasib yang menimpa Ruzaini. Tiap-tiap peristiwa yang dinyatakan, calon memberi alasan menarik dengan menyatakan aspek jalan cerita, teknik penceritaan, nilai-nilai murni dan pengajaran yang ada pada novel tersebut. Calon mampu menyatakan peristiwa-peristiwa yang menarik dalam novel yang dikaji tetapi alasan kenapa menarik tidak memenuhi kehendak soalan. Calon memberi alasan menarik pada watak bukan menarik pada pembaca. Contoh jawapan calon : 'Peristiwa paling menarik ketika ayah Rimpa pulang semula ke pangkuan keluarga. Pada pendapat saya, peristiwa ini memberi nafas lega pada Rimpa. Sebelum ini keluarga Rimpa hanya bergantung harapan kepada ibunya kerana dahaga akan kasih sayang seorang bapa. Sepatutnya calon menjawab, pada pendapat saya peristiwa itu menarik sebab salah satu konflik watak terlerai.

PERLUMBAAN KEDUA

Calon dapat memberikan dua peristiwa menarik berkaitan watak utama Tuk Kura dalam novel ini. Sejak peristiwa Tuk Kura melatih anak buahnya Tuk Kura berlumba, setiap peristiwa ini dikatakan menarik apabila dikaitkan dengan sifat kegigihan, kerjasama, tanggungjawab, tolong menolong, kebijaksanaan dan strategi menggunakan akal untuk menang. Kehebatan Tun Kura berjaya mempertahankan maruah kaumnya menjadikannya istimewa dalam cerita ini. Calon juga mengaitkan keistimewaan peristiwa yang dipilih dengan menyatakan unsur-unsur sastera dan seperti klimax cerita, konflik dan suspen. Peristiwa suspen apabila Tuk Kura lewat muncul ditempat perlumbaan dan menarik apabila Tuk Kura melantunkan dirinya dari atas bukit di tempat perlumbaan.

DI HADAPAN PULAU

Calon dapat mengemukakan dan menghuraikan dua peristiwa yang terdapat di dalam novel dengan tepat. Peristiwa tersebut dihuraikan dengan jelas. Watak yang terlibat dalam peristiwa yang dikemukakan tepat berdasarkan novel. Bagi setiap peristiwa yang dihuraikan calon dapat mengemukakan alasan-alasan mengapa peristiwa itu dianggap menarik mengikut pandangan calon. Penyampaian jawapan tersusun dengan ayat-ayat yang lengkap dan gramatis. Jawapan keseluruhannya menunjukkan calon menguasai aspek-aspek asas, dalam kajian novel. Jawapan yang dikemukakan menunjukkan calon faham kehendak-kehendak tugas soalan. Terdapat calon tidak mengemukakan peristiwa daripada novel yang dikaji dengan tepat Calon tidak mengemukakan peristiwa tetapi sebaliknya mengemukakan persoalan daripada novel yang dikaji. Terdapat kesalahan fakta dalam peristiwa yang dikemukakan sejak watak yang betul dan latar yang salah. Peristiwa yang dikemukakan tidak dihuraikan. Tidak mengemukakan sebab atau alasan mengapa peristiwa itu menarik.

BUKIT KEPONG

Calon-calon dapat mengemukakan dua atau lebih peristiwa yang pada pandangan calon paling menarik dalam novel yang dikaji dan menghuraikan peristiwa tersebut dengan menarik. Huraian yang diberikan jelas menggambarkan peristiwa tersebut kerana calon dapat menyatakan watak dalam peristiwa yang diutarakan. Ini membuktikan calon memahami peristiwa tersebut. Calon juga dapat menyatakan alasan sebab peristiwa yang dinyatakan menarik pada pandangan calon. Jawapan calon tersusun mengikut kehendak dan keperluan soalan, iaitu dua peristiwa. Calon menyatakan peristiwa dan diikuti huraian dan alasan menarik. Bahasa yang digunakan lancar dan tepat. Terdapat juga calon yang tidak dapat menyatakan peristiwa dengan tepat. Peristiwa tidak jelas kerana tidak disokong

watak dalam peristiwa tersebut. Ini menjadikan peristiwa yang dinyatakan umum. Peristiwa yang dinyatakan tidak dapat dibuktikan dengan alasan menarik tetapi hanya menyatakan urutan peristiwa berkaitan. Peristiwa tidak jelas kerana banyak menyatakan latar tempat peristiwa tersebut. Contoh, Othman dimasukkan ke hospital kerana cedera akibat serangan 180 anggota komunis ke atas Rumah Pasung Bukit Kepong. Othman cedera parah dan kakinya terpaksa dipotong. Setelah tiga bulan Othman meletakkan jawapan setelah melihat isterinya menghadapi masalah jiwa.

KONSERTO TERAKHIR

Calon hanya memberi peristiwa sahaja tanpa alasan. Peristiwa di Pertunjukan Orkestra Perdana apabila Hilmi tidak muncul kerana terlantar di hospital. Calon memberi watak yang salah. Hilmi menyatakan pendidikan muziknya ditanggung oleh Datuk Johari dan Datin Salmah kepada Pak Long Ibrahim. Calon memberi alasan menarik kepada watak bukan kepada peristiwa. Peristiwa Hilmi meninggal dunia. Peristiwa ini menarik kerana akibat peristiwa ini Datuk Johari juga meninggal dunia. Calon memberi peristiwa secara umum. Peristiwa menarik dalam novel ini ialah peristiwa yang berlaku semasa Hilmi meninggal di rumah Datuk Johari.

SETEGUH KARANG

Peristiwa-peristiwa menarik yang terdapat dalam novel ini dapat diuraikan oleh calon. Peristiwa Awanis menjatuhkan tandan kelapa sawit, mendaftar sendirian di kampus ITM Arau; peristiwa menunggang motosikal yang tiada brek; peristiwa ahli keluarga menziarahi Kak Maysarah di hospital dan peristiwa Awanis bersama Wan Asri pergi bersiar-siar di Kemaman dan Pantai Teluk Cempedak dapat dinyatakan oleh calon dengan tepat dalam jawapan. Calon juga dapat memberikan alasan yang tepat untuk menjelaskan mengapa mereka memilih peristiwa paling menarik. Calon menguasai cerita dan peristiwa dalam kajian novel. Penguasaan ini membolehkan calon menjawab soalan dengan memberi dua peristiwa menarik dari novel yang dikaji dengan memberi alasan yang sesuai dan logik seperti yang dikehendaki oleh peraturan permarkahan. Penyampaian disampaikan menggunakan bahasa yang baik dan lancar. Struktur ayatnya gramatis dan lengkap. Pengolahannya kemas dan menarik. Tiada kesalahan ejaan dan penggunaan tanda baca yang dilakukan. Terdapat calon yang menguasai peristiwa menarik dalam novel yang dikaji tetapi tidak dapat memberi alasan yang tepat. Calon lebih memberi alasan peristiwa menarik berfokus kepada watak. Ada calon yang tidak dapat membezakan antara peristiwa dengan pernyataan. Jawapan calon terlalu umum serta salah memberi nama watak.

JULIA

Calon dapat mengemukakan peristiwa-peristiwa yang tepat dan benar daripada novel, menepati konsep peristiwa iaitu sesuatu kejadian yang melibatkan watak-watak dan berlaku dalam tempoh yang singkat. Calon juga dapat memberikan alasan mengapa peristiwa yang dipilih itu menarik. Alasan-alasan yang diberi seperti terdapat pengajaran daripada peristiwa tersebut. Alasan lain seperti wujud unsur suspen atau menjadi klimaks keseluruhan cerita. Calon dapat mengemukakan alasan yang munasabah tentang menariknya sesuatu peristiwa tersebut. Contohnya, peristiwa Jun melamar Julia di Tanah perkuburan ibu dan bapa Julia menjadi klimaks cerita Novel Julia. Kelemahan calon hanya mengemukakan peristiwa tanpa memberi alasan mengapa peristiwa tersebut menarik kepada dirinya. Contohnya, peristiwa Julia bersiar-siar di Bandar Katanning dengan Pak Cik Khairil. Tiada alasan menarik diberi.

PUTERA GUNUNG TAHAN

Calon dapat mengemukakan dua peristiwa daripada novel dengan tepat dan menghuraikan dengan jelas. Calon dapat memberi alasan dan sebab-sebab mengapa peristiwa yang dikemukakan itu menarik. Bahasa penyampaian adalah lancar serta gramatis. Keseluruhan jawapan menggambarkan calon memahami kehendak soalan dan menguasai asas-asas kajian novel. Masih terdapat peristiwa yang dikemukakan oleh calon tidak betul berdasarkan novel yang dipelajari. Terdapat fakta-fakta yang salah berkaitan dengan peristiwa yang dikemukakan. Tidak menghuraikan peristiwa yang dikemukakan dengan jelas. Peristiwa yang dikemukakan terlalu umum tanpa mengaitkan dengan watak. Contoh, peristiwa kehadiran Inggeris di kaki Gunung Tahan.

Soalan 4(b) : Novel

Kekuatan

Keseluruhannya calon dapat membuat perbandingan berdasarkan dua novel yang dikaji. Calon dapat memberi latar tempat daripada dua buah novel yang memberi huraian atau contoh-contoh yang sesuai. Latar tempat yang diberi tepat dengan novel yang dikaji. Penyampaian yang diberikan tersusun dengan bahasa yang gramatis dan lancar. Struktur ayatnya sempurna. Jalan bahasa yang digunakan oleh calon kemas dan menarik. Ejaan dan tanda bacaan betul. Latar tempat dan huraian yang diberikan disampaikan dalam bentuk perenggan yang lengkap dan sempurna. Watak yang ditulis tepat dan betul. Huraian yang diberi, disampaikan dengan bahasa yang sangat baik. Calon menguasai latar tempat dalam novel. Penguasaan ini membolehkan calon menjawab soalan dengan memberi satu latar tempat daripada dua buah novel yang dikaji dengan memberi huraian yang sesuai seperti yang dikehendaki. Contohnya:

)	Latar tempat merupakan elemen yang penting bagi suatu novel kerana menunjukkan lokasi bagi sesuatu peristiwa.
	Antara latar tempat yang terdapat dalam novel Terminal Tiga ialah Akademi Seni Kebangsaan. Di sini, ia memaparkan kegigihan Rimpa yang meneruskan pelajaran walaupun mempunyai sumber kewangan yang sempit. Namun demi mengejar masa ke depan, beliau tabah meneruskan pengajian di situ.

Manakala, rumah Dato Johari merupakan suatu latar tempat yang penting dalam novel Konserto Terakhir. Ia memaparkan ^{kelebatan} ketinggian seorang pemuda kampung dalam menempuhi dibandar. Walaupun beliau merupakan saudara terdekat kepada Dato Johari, beliau masih ganggup menerima tugas sebagai seorang tugas tukang kebun demi melaksanakan pesan ayahnya di kampung. Di rumah inilah beliau ~~sempit~~ sering sering dibuli oleh Datin Salmah dan di sini juga beliau menyedari bakatnya sebagai seorang pemain muzik yang berbakat besar.

memberi jawapan yang tidak jelas kerana tidak dapat menguasai bahasa. Pengolahan ayat dan bahasa lemah. Calon menyatakan latar tempat sahaja tanpa huraian. Calon memberi latar tempat bukan dalam bentuk perbandingan. Latar tempat yang diberi secara umum dan kurang tepat. Calon tidak memahami maksud soalan. Calon memberi latar tempat yang tepat tetapi huraian pernyataan latar tempat tidak tepat. Calon tidak memberikan contoh yang wujud dalam novel. Jawapan diberi secara umum. Terdapat juga calon yang mencampuradukkan jawapan dengan latar lain seperti latar masyarakat dan latar masa. Terdapat kesalahan ejaan yang ketara dalam jawapan calon. Terdapat calon yang memberikan fakta yang salah. Contohnya:

b) ~~Ter~~ Terdapat perbezaan yang jelas antara latar tempat yang terdapat dalam ~~no~~ dua buah novel yang telah saya kaji iaitu novel Bukit Kepong ~~nya~~ karya Ismail Johari dan novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain.

Latar tempat utama novel Bukit Kepong ialah ~~to~~ Balai Polis Bukit Kepong ~~itu~~ manakala novel konserto terakhir berada di rumah Keluarga Dato Johari. Perbezaan jelas dapat dilihat ialah balai polis Bukit Kepong berada di kawasan pedalaman manakala rumah Dato Johari berada ~~berap~~ berada di kawasan bandar.

Balai Polis Bukit Kepong ^{yang baru diperbaiki} terletak di kawasan ~~per-~~ ^{dan sukar mendapat bantuan} pedalaman yang dipenuhi dengan hutan rimba ^{manakala rumah} Dato Johari yang besar dan antik terletak ditengah-tengah ibu kota dan mudah untuk mendapatkan ~~barang~~ barangan barangan.

Satu-satunya jalan untuk sampai ke ke Balai Polis bukit Kepong ialah melalui sungai tetapi boleh meredah hutan belantara. Terdapat jalanraya dikawasan rumah Datuk Johari yang dapat memudahkan perjalanan ke tempat lain.

Perbeza lain yang terdapat pada latar Balai Polis Kepong ialah ia terdiri daripada 2 dua bahagian iaitu tempat dimana anggota polis bertugas dan berek polis dimana anggota polis dan keluarga mereka tinggal bersama dan dikelilingi hutan. Rumah Datu Johari pula sebuah rumah besar dan cantik dimana semula ahli keluarganya tinggal dan terdapat sebuah taman dimana tempat Helmi bekerja sebagai pekebun.

TERMINAL 3

Calon boleh menggambarkan latar tempat kedua-dua novel yang dikaji dan membuat perbandingan sama ada persamaan atau perbezaan. Contoh, persamaan latar tempat novel Terminal Tiga ialah Akademi Seni Kebangsaan sementara latar tempat novel Seteguh Karang ialah ITM, Arau. Persamaan kedua-dua tempat ini ialah tempat watak utama belajar. Perbezaan latar tempat novel Terminal Tiga ialah Terminal 3 di lapangan terbang sementara dalam novel Seteguh Karang ialah Pejabat MUIS. Kedua-dua latar tempat tersebut menjalankan aktiviti yang berlainan. Penyampaian jawapan adalah baik, bahasa yang digunakan lancar dan gramatis. Masih terdapat calon yang tidak memahami maksud soalan. Calon menyenaraikan beberapa latar tempat antara kedua-dua novel tanpa huraian. Sekiranya ada huraian, huraiannya umum dan tidak lengkap. Calon tidak memahami kehendak soalan yang memerlukan peristiwa pada latar tempat yang dikemukakan serta menjawab tidak mengikut format esei tetapi dibuat berjadual seperti di bawah.

TERMINAL TIGA	SETEGUH KARANG
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Akademi Seni Kebangsaan ▪ Terminal 3, lapangan terbang Kuala Lumpur ▪ Kampung Rimpa (Ranau) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ ITM, Arau Perlis ▪ Pejabat Pertubuhan Peladang, Hulu Paka Terengganu ▪ Rumah Awanis di Jalan Garland, Ipoh

PERLUMBAAN KEDUA

Calon dapat membandingkan latar tempat dalam novel Perlumbaan Kedua di Novel Julia. Tetapi huraian latar tempat lebih menjelaskan situasi yang berlaku di tempat itu dan diberikan gambaran secara umum. Cerita Novel Perlumbaan Kedua dinyatakan latar hutan

rimba yang dipenuhi flora, fauna, dihuni pelbagai jenis binatang dan tiada manusia tinggal. Begitu juga novel Julia dinyatakan di bandar yang dipenuhi bangunan, kesibukan kenderaan, pencemaran dan hidup bebas. Huraian umum latar tempat dalam kedua-dua latar novel ini tidak dikaitkan dengan watak dan peristiwa dalam cerita. Contoh dikota Julia dipengerahui rakan-rakannya yang hidup bebas tanpa pegangan agama yang kuat. Suasana kota dikaitkan kesibukan dan pencemaran berbanding novel Perlumbaan Kedua, kehidupan haiwan yang udaranya bersih serta tiada pencemaran berlaku.

DI HADAPAN PULAU

Calon dapat mengemukakan latar tempat yang terdapat dalam kedua-dua novel yang dikaji dengan tepat. Latar tempat tersebut diuraikan dengan jelas. Calon dapat membandingkan satu latar yang terdapat dalam kedua-dua novel. Jawapan calon keseluruhannya menunjukkan calon dapat menguasai aspek-aspek asas kajian novel. Jawapan calon juga disampaikan dalam ayat-ayat yang lengkap dan gramatis. Masih terdapat calon tidak mengemukakan latar yang tepat daripada kedua-dua novel. Calon hanya mengemukakan latar secara umum tanpa membuat perbandingan daripada kedua-dua novel. Calon mengemukakan fakta yang salah berkaitan dengan latar tempat, Calon tidak memahami kehendak soalan. Calon hanya mengemukakan latar daripada satu novel sahaja. Jawapan yang dikemukakan bercampur aduk antara latar tempat dan latar masyarakat. Menjawab dalam bentuk nota ringkas.

BUKIT KEPONG

Calon memahami konsep latar tempat dalam dua buah novel yang dikaji. Calon dapat memberikan latar tempat dalam kedua-dua novel seperti dihospital, di Rumah Pasung Bukit Kepong dalam novel Bukit Kepong dan di rumah Datuk Johari dalam novel Konserto Terakhir. Calon dengan jelas menghuraikan peristiwa yang berkaitan dengan latar tempat yang dinyatakan bagi mengukuhkan kefahaman calon menjawab. Susunan jawapan jelas iaitu menyatakan latar tempat dengan tepat dan menghuraikan perkara yang berkaitan dengan latar tersebut. Walau bagaimanapun c masih terdapat calon yang memberi latar tempat secara umum seperti di kampung, di rumah, di dalam hutan. Huraian latar tempat disebut secara umum dan tidak menggambarkan dengan tepat peristiwa yang berlaku berkaitan latar tempat tersebut. Watak tidak dinyatakan dengan jelas menunjukkan calon hanya meneka dan tidak menguasai peristiwa pada latar yang dinyatakan. Tidak menggambarkan perbandingan latar. Calon menjawab, latar tempat di dalam novel Bukit Kepong ialah didalam hutan iaitu keadaan di dalam hutan sejuk dan pokok-pokok hidup subur. Keadaan tenang dan menjadi tempat komunis melancarkan gerakan.

KONSERTO TERAKHIR

Calon hanya memberi latar tempat sahaja tanpa huraian. Cuba menjawab perbezaan latar antara novel Konserto Terakhir dengan novel Bukit Kepong. Latar tempat dalam Novel Bukit Kepong ialah rumah Othman, sebuah kampung di Kulim manakala dalam Novel Konserto Terakhir latar tempatnya di rumah Datuk Johari di Kuala Lumpur. Calon memberi nama watak yang salah. Peristiwa pembongkaran cerita iaitu Hilmi merupakan anak kandung Datuk Johari diberitahu oleh Pak Long Ibrahim. Calon memberi huraian latar tempat secara umum. Penduduk di kampung Othman taat kepada perintah agama dan sentiasa menunaikan solat. Novel Konserto Terakhir, latar tempatnya ialah di bandar yang sibuk dengan kenderaan, hidup cara moden dan meninggalkan solat. Rumah Datuk Johari terletak